



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DATO' DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERHIMPUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
BIL. 1 TAHUN 2020**

DEWAN PERDANA NUR

30 JANUARI 2020

(SALUTASI)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Hormat.

PENDAHULUAN

Warga KPWKM yang saya kasihi sekalian,

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA dapat kita berhimpun di Majlis Perhimpunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Bilangan 1 Tahun 2020 pada pagi ini.
2. Masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada anda semua dan tidak lupa kepada masyarakat Tionghua yang baru sahaja menyambut Tahun Baru Cina, *Gong Xi Fa Chai*.
3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatan Kuasa pelaksana majlis perhimpunan yang pertama kali diadakan bagi Tahun 2020 ini.

PENCAPAIAN TAHUN 2019

4. Tahun 2019 merupakan sebuah perjalanan yang penuh dengan cabaran.

5. Namun, kita telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi yang telah memberi manfaat kepada semua golongan sasaran kita di seluruh Malaysia.
6. Antaranya adalah:
 - i. Penubuhan 65 buah TASKA Tempat Kerja Sektor Awam untuk dimanfaatkan oleh penjawat awam di seluruh negara;
 - ii. Pembangunan **Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Kanak-Kanak** khusus untuk meningkatkan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak;
 - iii. Kita turut berjaya mendapatkan **Diskaun 20% Bil Elektrik** bagi menggalakkan pendaftaran **TASKA di Semenanjung Malaysia**, usaha berterusan sedang dilaksanakan untuk meluaskan pelaksanaannya di Sabah dan Sarawak;
 - iv. Kita juga telah melancarkan **Deklarasi Keluarga dan Direktori Perkhidmatan Keluarga** untuk menambahbaik usaha-usaha kearah memperkasakan institusi keluarga di Negara kita:

- v. Selain itu, kita turut mendapat peruntukan untuk penubuhan dua buah Pusat Kehidupan Berdikari OKU atau **Independent Living Centre (ILC)**;
 - vi. Penambahbaikan i-Suri turut dilaksanakan di mana kita membolehkan tambahan kategori yang layak memohon merangkumi wanita yang merupakan Ketua Isi Rumah, tidak kira sama ada bekerja ataupun tidak; dan
 - vii. Kita juga telah menubuhkan 45 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang baharu pada tahun 2019 untuk dimanfaatkan oleh warga emas.
7. Terdapat banyak lagi usaha-usaha dan pencapaian lain pada tahun 2019 yang telah dilaksanakan hasil kerja keras anda semua warga KPWKM untuk memperkasakan kumpulan sasar kita yang terdiri daripada mereka yang amat memerlukan.
8. "Sebaik-baik manusia di antara kamu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain." (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim).

9. Dari aspek pengurusan pentadbiran KPWKM pula, syabas dan tahniah di atas beberapa pencapaian KPWKM seperti tahap Cemerlang dalam Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan (IKKP) Tahun 2019 dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) serta Anugerah Kecemerlangan Lima Bintang bagi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2018.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan.

INTEGRITI

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

10. Kita telah mengambil langkah pro-aktif dengan membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) KPWKM yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020, sebagai satu inisiatif yang konsisten dan berterusan bagi memerangi rasuah dan seterusnya meningkatkan integriti warga KPWKM dalam melaksanakan tugas seharian.
11. Sebagai pemacu kemajuan negara, setiap penjawat awam dan pemimpin perlu sedar akan beratnya tanggungjawab untuk memastikan perkhidmatan yang

disampaikan itu bermutu tinggi dan berupaya memberi manfaat kepada rakyat.

12. Perkara ini adalah bertepatan dengan frasa, “Saya Yang Menjalankan Amanah” dalam perkhidmatan awam.
13. Bersempena dengan tahun baru 2020 ini, saya menyeru agar setiap daripada kita memasang iltizam untuk memperbaiki kualiti diri menjadi insan yang berintegriti tinggi, produktif dalam tugas harian, ikhlas dan amanah dalam apa jua urusan.

INISIATIF KPWKM

Hadirin hadirat yang dimulihkan sekalian,

14. Pada Oktober 2019, Kerajaan telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020.
15. Salah satu teras di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ini ialah Modal Insan, Kesejahteraan Sosial, dan Modal Sosial.

16. Teras ini amat berkait rapat dan sangat bertepatan dengan hasrat serta fokus Kementerian di mana pelbagai inisiatif baharu pada tahun 2020 yang telah dirancang perlu diselarikan dan memberi impak secara langsung kepada pelaksanaan WKB 2030.
17. Kita juga perlu ingat bahawa terdapat beberapa komitmen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang perlu kita sahut dan beri perhatian seperti ***Sustainable Development Goals (SDG), Convention on The Rights of The Child (CRC), Convention on The Elimination of All Forms of Discriminations Against Women (CEDAW) dan Convention on The Rights of Persons with Disabilities (CRPD).***
18. Oleh itu, saya berharap apa sahaja yang dirancang dan dilaksanakan, ia haruslah dijajarkan dengan komitmen-komitmen di peringkat nasional dan antarabangsa.
19. Pada tahun 2020, KPWKM akan terus memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasarnya sama ada melibatkan penambahbaikan kepada aspek perundangan, pembangunan kapasiti mahupun aspek perlindungan.

- 20.** Secara keseluruhannya, pada tahun 2020 ini perancangan Kementerian akan menyasarkan 28 inisiatif yang merangkumi 33 buah program di bawah Janji Kerajaan iaitu 9 cadangan program baharu dan 24 program sedia ada.
- 21.** Kita telah memulakan momentum yang sangat baik pada awal tahun 2020 melalui pelancaran Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 16 Januari 2020 dan saya berharap agar gerak kerja ini berterusan secara istiqamah sepanjang tahun.
- 22.** Selain itu, kita juga perlu berusaha untuk mengukuhkan organisasi agar dapat menambah baik perkhidmatan kepada golongan sasaran, dan dalam hal ini, saya percaya kita akan terus mengambil inisiatif untuk menubuhkan Jabatan/Agensi berhubung perkembangan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak di Malaysia.
- 23.** Bagi membantu kumpulan sasaran memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan negara, KPWKM turut mengambil tanggungjawab untuk menyediakan sistem sokongan kepada ibu bapa yang bekerja dengan penambahan peruntukan sebanyak RM30 juta pada tahun 2020 bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Awam, terutamanya di sekolah dan hospital.

- 24.** KPWKM juga telah menggariskan beberapa fokus pada tahun ini termasuklah penambahbaikan dari aspek perundangan seperti penggubalan Rang Undang-undang Gangguan Seksual yang bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada semua pihak dan tidak hanya terhad di tempat kerja.
- 25.** Selain itu, cadangan pindaan terhadap Akta Orang Kurang Upaya 2008 akan turut dilakukan yang akan menitik beratkan aspek perlindungan dan keselamatan OKU melalui penguatkuasaan undang-undang.
- 26.** Bukan itu sahaja, kita juga di dalam proses akhir untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial yang bertujuan untuk mengiktiraf profesion kerja sosial.
- 27.** Seterusnya, Kementerian juga sedang melaksanakan kajian kandungan dan skop bagi pewujudan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia.
- 28.** Pada tahun ini juga banyak program yang akan melibatkan kumpulan sasar wanita yang perlu diberikan tumpuan kerana tahun 2020 merupakan ulang tahun ke-25 *Beijing Declaration and Platform For Action* yang memerlukan kita meningkatkan

visibility dalam aspek pemerkasaan dan perlindungan terhadap wanita.

- 29.** Oleh itu, usaha mengarusperdana gender (gender mainstreaming) akan diberikan perhatian kerana ia memberi manfaat bukan sahaja kepada wanita, tetapi juga kepada golongan lelaki.
- 30.** Usaha ini menitikberatkan elemen menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi yang menghalang pengupayaan wanita dan lelaki agar mereka turut sama menyumbang kepada pembangunan negara.
- 31.** Baru-baru ini juga Jemaah Menteri telah meluluskan hala tuju Dasar Kependudukan Negara Ke Arah Pembangunan Lestari 2030.
- 32.** Ini merupakan usaha Kementerian untuk mempersiapkan semua pihak dalam menghadapi cabaran negara tua dan memperkasa penduduk Malaysia agar lebih berdaya tahan dalam mengharungi cabaran sosio-ekonomi pada masa hadapan.
- 33.** Susulan daripada pelancaran Deklarasi Keluarga dan Direktori Perkhidmatan Keluarga pada November 2019, pada tahun 2020 kita akan menumpukan kepada agenda memperkukuhkan institusi kekeluargaan.

34. Saya menyeru agar semua lapisan masyarakat kembali memberi keutamaan terhadap institusi keluarga dalam segala usaha, perancangan dan tindakan.
35. Dalam melaksanakan semua perkara yang telah dirancang, kita perlulah menggembleng usaha secara kolektif dengan melibatkan semua pihak termasuklah *Civil Society Organisations* (CSOs) agar setiap usaha yang direncanakan mengambil kira pelbagai pandangan dan mampu mencapai matlamat yang diinginkan.
36. Konsep keterangkuman (inclusivity) ini juga diterjemahkan melalui pemberian Geran Bantuan Khas Perbendaharaan bagi melipatgandakan penglibatan sektor badan kebajikan dan keusahawanan sosial dalam membantu golongan yang memerlukan.

PELANCARAN NOMBOR WHATSAPP TALIAN KASIH

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

37. **Talian Kasih 15999** merupakan saluran yang disediakan sebagai medium perantaraan untuk membantu masyarakat yang berhadapan dengan masalah berkaitan kebajikan, talian kanak-kanak, kaunseling, penderaan, pembuangan bayi, masalah

sosial dalam kalangan remaja, perkhidmatan kesihatan reproduktif dan perlindungan kepada yang memerlukan.

38. Mulai Januari hingga Disember 2019, rekod panggilan Talian Kasih 15999 dari pemanggil di seluruh negara telah meningkat kepada 25, 868 panggilan berbanding 15,046 panggilan pada tahun 2018.

Peningkatan lebih 70% jumlah panggilan.

39. Sehubungan itu, sebentar lagi kita akan melancarkan **Whatsapp Talian Kasih, 019 26 15999**, satu lagi saluran untuk memudahkan orang ramai termasuk mereka yang kurang upaya pendengaran dan pertuturan untuk mengajukan sebarang pertanyaan dan aduan mengenai krisis masyarakat setempat kepada Talian Kasih 15999.

40. Saya yakin dengan adanya nombor *whatsapp* ini, perkhidmatan yang ditawarkan oleh Talian Kasih 15999 akan dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai orang yang memerlukan.

PENUTUP

Warga Kementerian yang saya kasihi sekalian,

- 41.** Kita di Kementerian ini ibarat sebuah keluarga besar dan hubungan erat antara satu sama lain harus dipupuk walaupun sekadar berbalas senyuman semasa bertemu.
- 42.** Semangat kerjasama sebagai satu pasukan adalah amat penting bagi memudahkan kita melaksanakan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan dalam lingkungan keterbatasan (limitation) keupayaan Kerajaan khususnya dalam aspek kewangan dan sumber manusia untuk memenuhi harapan rakyat.
- 43.** Namun saya berharap agar warga KPWKM berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah.
- 44.** Kita sedia maklum bahawa dunia kini sangat berbeza dengan adanya kemajuan IR4.0, *Internet of Things* (IoT) dan teknologi 5G.
- 45.** Namun begitu, seiring dengan kepesatan teknologi ini, kita mestilah terus berpegang kepada nilai-nilai murni, pegangan jatidiri, agama dan keluarga yang mengukuhkan aspek sosial dalam kehidupan seharian.

- 46.** Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin mengingatkan anda semua agar mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi membendung penularan Virus Influenza dan Novel Koronavirus.
- 47.** Saya juga ingin menyeru agar semua pihak tidak menyebarkan maklumat yang benar berkenaan Novel Koronavirus yang boleh menyebabkan kebimbangan kepada masyarakat.
- 48.** Sama-samalah kita mengharungi Tahun 2020 dengan semangat kerja yang lebih tinggi dan cara kerja yang lebih baik berbanding sebelum ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullah Wabarakatuh.